



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA.***

**DI MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN PERINGKAT
NEGARA TAHUN 1446 HIJRAH**

**HARI ISNIN (MALAM SELASA),
17 RAMADHAN 1446 BERSAMAAN 17 MAC 2025**

**BERTEMPAT DI DEWAN PLENARY
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengadap Kehadapan Majlis,
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien,
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan,
Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu Ampun,

AlhamduLillah wasysyukruLillah. Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara tahun ini yang diungkayahkan bersama dengan Jabatan Perdana Menteri, dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan beserta syarikat telekomunikasi Imagine Sdn. Bhd. dengan bertemakan '**Akal Sihat Dengan Al-Qur'an**' adalah berlangsung meriah diserikan dengan keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik yang sangat dijunjung tinggi.

Maka sekalian abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik penganjur bersama dan segenap peringkat jawatankuasa, dengan penuh ta'zim menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik, dengan iringan do'a semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* akan sentiasa melindungi Kebawah Duli Tuan Patik beserta Kerabat Diraja Kebawah Duli Tuan Patik dengan perlindungan selamat dan aman bahagia, sihat sejahtera yang berkepanjangan, dengan rakyat sekalian teguh bertaat setia menjunjung tinggi kedaulatan Kebawah Duli Tuan Patik memimpin negara dan pemerintahan yang mantap dan berkebijakan.

Sesungguhnya sambutan Nuzul Al-Qur'an, sebagaimana juga sambutan-sambutan hari-hari kebesaran Islam sudah menjadi *platform* yang besignifikan pada mensyi'arkan Islam ugama rasmi negara yang mencorakkan keislaman negara Brunei Darussalam sebagai negara yang mendukung dan mengamalkan Islam *rahmatan lil'aalamiin*, yang menyantuni segenap rakyat dan penduduknya, untuk saling memelihara keharmonian bermasyarakat dalam berusaha membangun negara mencapai kemajuannya yang seimbang sambil kekal kukuh dengan kedaulatannya.

Keharmonian bermasyarakat itu akan sentiasa terpelihara apabila kita saling bekerjasama dengan akal yang sihat untuk kebaikan, menghindarkan kejahatan dan permusuhan, iaitu sesuai dengan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ

Tafsirnya:

Dan tolong menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketaqwaan dan janganlah tolong menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum-hukum Allah).

[Surah Al-Ma'idah: 2]

Demikianlah disembahkan.

Sebelum mengakhiri sembah, hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan bagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan sembah junjung kasih atas keberanbgkatan;

Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Dan juga atas keberangkatan Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisuar
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Seterusnya sembah junjung kasih juga atas keberangkatan Yang Amat Pengiran-Pengiran Cheteria,

Dan ucapan terima kasih di atas kehadiran:

- Yang Berhormat
Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di
Jabatan Perdana Menteri.
- Yang Berhormat
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Diraja,
- Timbalan-Timbalan Menteri,
- Tetamu-Tetamu Kenamaan lainnya,

- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin - hadirat yang berbahagia sekalian.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada peserta-peserta dari Republik Indonesia dan Republik Singapura yang bertanding berserta dengan peserta-peserta negara kita di peringkat musabaqah hafazan dan pemahaman negara-negara MABIMS.

Demikian juga kepada peserta-peserta di peringkat kebangsaan, kesemua mereka telah juga meriahkan acara sambutan Nuzul al-Quran ini dengan penampilan sebagai hafiz-hafiz al-Quran yang juga memahami ayat-ayat al-Quran di masa hadapan.

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada semua pihak yang turut sama terlibat mengunghayahkan serta menjayakan majlis yang berkebakikan ini dari awal hingga akhir. Semoga segala usaha dan sumbangan murni lagi ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* jua. Amin ya rabbal 'alamin.

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama
17hb Ramadhan 1446/ 17hb Mac 2025